

KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPPIM) / CIDB bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

- TAJUK SEBUT HARGA** : CADANGAN KERJA-KERJA SENGGARAAN BENGKEL SERTA KERJA BERKAITAN BAGI PEMERKASAAN PROGRAM SIJIL TEKNOLOGI KIMPALAN & FABRIKASI LOGAM (GAS TUNGSTEN ARC WELDING-GTAW) DI GIATMARA PAYA BESAR, PAHANG (FASA 2).
- NO SEBUT HARGA** : GM122/RMK12/039/2026

TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK DAN PENJUALAN SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKHTUTUP SEBUTHARGA
<p>TARIKH TAKLIMAT, LAWATAN TAPAK & JUALAN SEBUT HARGA: 09 APRIL 2026</p> <p>MASA JUALAN: 10:00 PAGI SEHINGGA 12:00 TENGAH HARI SAHAJA</p> <p>PENDAFTARAN: 10:00 PAGI – 10:30 PAGI TAKLIMAT: 10:30 PAGI – 12:00 TENGAH HARI</p> <p>TEMPAT TAKLIMAT, LAWATAN TAPAK & JUALAN SEBUT HARGA: GIATMARA PAYA BESAR KM 8, JALAN GAMBANG 25150 KUANTAN PAHANG DARUL MAKMUR.</p>	<p>1. Kontraktor DIWAJIBKAN untuk membuat *pendaftaran secara atas talian dengan capaian pautan atau mengimbas QR kod seperti di bawah:</p> <div style="text-align: center;">  </div> <p>*Kontraktor perlu memuat naik semua salinan lesen berkaitan di dalam pautan seperti di para 2.</p> <p>2. Kod Bidang Kerja Berkaitan: CIDB GRED: G1 KATEGORI: B PENGGHUSUSAN: 28 (KERJA-KERJA UBAHSUAI)</p> <p>(KONTRAKTOR DI DALAM DAERAH SAHAJA) (KEBENARAN KHAS CIDB G1:B28 DIBENARKAN)</p>	<p>RM 10.00 (SECARA TUNAI)</p>	<p>TARIKH: 21 APRIL 2026</p> <p>MASA: 12.00 T/HARI</p>

- Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tidak kurang 90 hari dari tarikh iklan tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-
 - Sijil Pendaftaran Kontraktor **SSM** dan Kementerian Kawangan (**MOF**)
 - Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh **CIDB**.
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh **CIDB**.
 - Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari **BPKU**.
 - Sijil Pematuhan Cukai / Tax Compliance Certificate (**TCC**) dengan **STATUS: PATUH**

Satu (1) salinan SIJIL-SIJIL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan GIATMARA semasa pembayaran dilakukan. GIATMARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan GIATMARA tidak layak.

- Dokumen sebut harga boleh diperolehi secara dalam talian (Online) melalui emel kepada Kontraktor maksimum selepas 3 hari pembayaran dilakukan. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.

- KONTRAKTOR YANG BERMINAT DIWAJIBKAN MENGHADIRI TAKLIMAT SEBUTHARGA SEPERTI ALAMAT DI ATAS. WAKIL SYARIKAT ADALAH TIDAK DIBENARKAN UNTUK MENGHADIRI TAKLIMAT SEBUTHARGA DAN MEMBELI DOKUMEN. HANYA PEMILIK SYARIKAT/PENAMA YANG DIBENARKAN MENGHADIRI LAWATAN TAPAK DAN PENGAMBILAN DOKUMEN DENGAN MENGEMUKAKAN KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKAUN PENDAFTARAN SYARIKAT UNTUK PENGESAHAN. TAWARAN DIANGGAP SEBAGAI TIDAK SAH JIKA PENGESAHAN LAWATAN TAPAK DAN TAKLIMAT SEBUTHARGA TIDAK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI PENGUASA YANG DILANTIK OLEH GIATMARA SEMASA MENGHADIRI TAKLIMAT SEBUTHARGA.**

- Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor.
- GIATMARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **GIATMARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri bahagian atas sampul surat** dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

**PENGARAH,
GIATMARA NEGERI PAHANG
TINGKAT 4, BANGUNAN TABUNG HAJI,
JALAN BUKIT UBI,
25000 KUANTAN, PAHANG.**

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga **21 APRIL 2026 jam 12.00 tengahari**

- Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh layari <http://www.giatmara.edu.my/>